



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KOMPILASI PELAKSANAAN KURSUS PENDEK EDISI 2020

KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**KOMPILASI PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG EDISI 2020
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan napa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Pengerusi

Noorhasimah binti Kassim, K.B.P.A
Pengarah Kolej Komuniti Penampang

Timbalan Pengerusi

Jacinta @ Caroline Peter
Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Penampang

Panel Penulis

Nor Haslinda binti Saenan
Betsy Vine
Norfadzilatul Zaleha binti Khalid

Pereka Grafik

Shairul Bin Ludin
(Politeknik Kota Kinabalu)

Tel : 088-760951

Faks : 088-760954

Laman Rasmi : <https://kkpenampang.mypolycc.edu.my/>

Diedar Oleh :

Kolej Komuniti Penampang

Diurus Cetak Oleh :

Kolej Komuniti Penampang

eISSN 2773-5117



Penulis :

1. Betsy Vine

- I. Muka depan
- II. Cetakan ISSN & Penulisan (ii) – (iii)
- III. Perutusan Pengarah (iv)
- IV. Kata Alu-Aluan Pensyarah PSH (v)
- V. Muka surat 1 – 14

2. Nor Haslinda binti Saenan

- I. Isi kandungan (vi-ix)
- II. Singkatan (x)
- III. Muka Surat 15 – 44

3. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid

- I. Muka Surat 45 – 74

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, samaada tulisan atau ilustrasinya dalam apa jua bentuk teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik dan lain-lain kecuali mendapat kebenaran daripada penerbit.

PERUTUSAN PENGARAH KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera...

Terlebih dahulu saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t, **KOMPILASI PELAKSANAAN KURSUS PENDEK EDISI 2020 KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG** telah berjaya diterbitkan.

Buku laporan ini adalah sebagai bukti hasil usaha Unit Pengajian Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) dengan kerjasama staf akademik dalam membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat di kalangan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, saya secara peribadi dan juga mewakili pihak pengurusan Kolej Komuniti Penampang dengan berbesar hati ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Kolej Komuniti khususnya staf akademik, staf pengurusan, para pelajar serta peserta-peserta kursus pendek yang terlibat dalam menjayakan kursus pendek sepanjang tahun 2020 ini. Walaupun terdapat kekangan masa kerana penularan wabak Covid-19 pada tahun 2020 ini, namun kerjasama semua staf harus diberi pujian dalam melancarkan perjalanan setiap program kursus pendek.



Diharapkan dengan kewujudan buku laporan ini mampu mengukuhkan hubungan silaturrahim melalui perkongsian ilmu pengetahuan baru dan kemahiran sepanjang hayat seiring dengan aspirasi negara untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berpendapatan tinggi.

Yakinlah bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan dengan perancangan yang rapi, pelaksanaan yang penuh ikhlas dan tanggungjawab untuk memelihara reputasi Kolej Komuniti Penampang sebagai matlamatnya, InsyaAllah akan membuahkan hasil yang terbaik buat kita semua.

Akhir kata, semoga segala usaha kita ini mendapat keberkatan dari Allah s.w.t. Sekian.

NOORHASIMAH BINTI KASSIM K.B.P.A
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

KATA-KATA ALUAN PENSYARAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pembaca yang dikasihi...

Proses pembikinan buku **KOMPILASI PELAKSANAAN KURSUS PENDEK EDISI 2020 KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG** adalah satu proses yang mencabar kerana seperti yang kita ketahui tahun 2020 adalah tahun di mana negara dilanda wabak Covid-19. Namun begitu, saya bersyukur kerana saya dan rakan-rakan berjaya juga untuk mencapai KPI PSH Kolej Komuniti Penampang pada tahun 2020.

Program kursus pendek telah dijalankan mengikut permintaan komuniti amnya. Pelbagai aktiviti kursus pendek ini telah diikuti oleh komuniti bagi memastikan keperluan dan kehendak diri dalam usaha membangunkan potensi diri masing-masing. Aktiviti-aktiviti kursus pendek yang dianjurkan kepada komuniti ini meliputi pelbagai kluster seperti grafik dan multimedia, komputer dan teknologi maklumat, jahitan dan pakaian, bahasa, kraftangan dan hiasan dalaman, perniagaan dan keusahawanan, catering dan sajian serta banyak lagi.

Terhasilnya buku laporan ini juga memberikan saya satu kepuasan yang amat sangat. Ia akan menjadi satu peransang kepada saya untuk terus membukukan aktiviti-aktiviti tahunan unit PSH pada tahun-tahun yang akan datang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana limpah kurniaNya, proses pengumpulan, pengeditan dan penyusunan setiap kursus pendek ke arah dilaksanakan dengan baik hasil kerja berpasukan yang ditonjolkan oleh rakan-rakan seperjuangan. Diharapkan buku laporan ini dapat memainkan peranan sebagai duta khas serta mendekatkan hubungan antara KKPPG dan komuniti khususnya. Sekian, wassalam.

NOR HASLINDA BINTI SAENAN
PENSYARAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG



SENARAI KANDUNGAN

PANEL PENULIS	ii
PERUTUSAN PENGARAH	iv
KATA ALU- ALUAN PENSYARAH PSH	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SINGKATAN	x
1.0 STATISTIK PELAPORAN PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK	
1.1 Pengenalan	1
2.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN JANUARI	
2.1 Aplikasi Komputer (<i>Perisian Micorosoft Word</i>)	3
2.2 Penghasilan Maruku Kacang Peas dan Maruku Lemak Manis	4
2.3 Penghasilan <i>Red Velvet</i> Brownies	5
2.4 Jahitan <i>Blouse Peplum</i>	6
3.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN FEBRUARI	
3.1 Penghasilan Kek Pelangi Karamel	8
3.2 Penghasilan Mini <i>Cheesetart</i> Saiz 4.5 cm Siri 1	9
3.3 Jahitan Kurung Asli	10
3.4 Penghasilan Penghasilan Aneka Puteri Seri Ayu (<i>Original</i> dan berasaskan <i>cheese</i>)	11
3.5 Penghasilan Rempyek dan Kuih Goyang (Kuih Rose)	12
3.6 Asas Jahitan Skirt Kurung	13

3.7	Penghasilan Muffin Siri 1 (<i>Triple</i> Coklat Muffin dan Pandan Muffin)	14
3.8	Kursus <i>Adobe Photoshop</i> (<i>How to make a simple poster</i>)	15
3.9	Asas Simpan Kira	16
3.10	Penghasilan Maruku Cheese dan Maruku Meletup Bersama PPKI SMK Taman Tun Fuad, Luyang, Kota Kinabalu	17
3.11	Penternakan <i>Black Soldier Fly</i> (BSF)	18
3.12	Penghasilan Kek Hokaido Siri 1	19
4.0	PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN MAC	
4.1	Penghasilan Mini Donut Brownies Siri 1	21
4.2	Penghasilan Mini Donut Brownies Siri 2	22
4.3	Penghasilan Spicy Kudapan Cornflakes	23
4.4	Jahitan Kurung Moden	24
4.5	Penghasilan Cream Puff Gebu	25
5.0	PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN JULAI	
5.1	Penghasilan Mini Donut Brownies Siri 3	27
5.2	Jahitan Baju Cekak Musang dan Seluar Slack Bermodul	28
5.3	Jahitan Seluar Slack	29
5.4	Penghasilan Kek Pisang Untuk Bisnes Siri 1	30
5.5	Penghasilan Kek Pandan dan Kek Strawberry Cheese Leleh	31
5.6	Penghasilan Kek Coklat <i>Moist Topping</i> Coklat	32
5.7	Penghasilan Kek Buah Kukus Siri 1	33

5.8	Jahitan Kurung Riau	34
5.9	Penghasilan Maruku Cheese dan Maruku Meletup Siri 3	35
5.10	Penghasilan Maruku Kacang Peas dan Maruku Lemak Manis Siri 3	36
5.11	Jahitan Kurung Moden Lengan Puff	37
5.12	Penghasilan Kek Red Velvet with <i>Cream Cheese</i> Siri 1	38
5.13	Jahitan Jubah Berfesyen	39
5.14	Jahitan Kebaya Berkelepet	40
6.0	PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN OGOS	
6.1	Penghasilan Kek Span dan Dekorasi Kek <i>Buttercream</i> Tema <i>Flower and Basket</i> (Bermodul)	42
6.2	Jahitan Uniform Staff Nurse Bermodul	43
6.3	Jahitan Seluar Staff Nurse	44
6.4	Penghasilan <i>Vampire Indulgence Cake</i> Siri 1	45
6.5	Jahitan Kurung Asli Bermodul	46
6.6	Penghasilan Brownies Kedut	47
6.7	Jahitan Skirt Kurung	48
6.8	Penghasilan Cream Puff Siri 2	49
6.9	Penghasilan Muffin Orange, Muffin Coklat dan Muffin <i>Red Velvet</i>	50
6.10	Jahitan Kemeja	51
6.11	Penghasilan Kek Sarang Semut Dulu-dulu	52
6.12	Jahitan Kurung Riau	53

7.0	PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN SEPTEMBER	
7.1	Jahitan Dress Kanak-kanak	55
7.2	Penghasilan Kek Pelangi Karamel Siri 2	56
7.3	Jahitan Langsir <i>Scallop</i>	57
7.4	Jahitan Kraftangan 3D	58
7.5	Penghasilan Tart Buah	59
7.6	Penghasilan Mini Cheesetart Saiz 4.5cm dan cream cheese	60
7.7	PISH – Pengurusan Jenazah Lelaki	61
7.8	PISH – Pengurusan Jenazah Wanita	62
7.9	PISH – Penghasilan Aneka Muffin (Muffin Orange, Muffin Red Velvet, Muffin Pandan dan Muffin Coklat)	63
7.10	Jahitan Dress Kanak-Kanak Siri 2	64
7.11	IR4.0 Perniagaan Online (Shopee, Lazada dan Lelong)	65
7.12	Penghasilan <i>Vampire Indulgence</i> Cake Siri 2	66
7.13	Jahitan Uniform Staff Nurse	67
7.14	Penghasilan Bingka Dodol dan Bingka Ubi Cheese	68
7.15	Penghasilan Mooncake Siri 1	69
7.16	Seni Anyaman Beg Plastik PVC (Berzip)	70
7.17	PISH – Penghasilan Aneka Cookies (Coklat Chip Cookies, Milo Cookies, Red Velvet Cookies dan Almond Cookies)	71
7.18	Jahitan Seluar Palazo	72
7.19	Gubahan Coklat dan Flower Bouquet	73
7.20	Dekorasi Kek Tema <i>Unicorn</i> Siri 1	74

SINGKATAN

PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
KKPPG	Kolej Komuniti Penampang
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPI	<i>Key Performance Index</i>
PISH	Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat
MK 1	Makmal Komputer 1
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
BSF	Black Soldier Fly
IR4.0	The Fourth Industrial Revolution
PVC	Polyvinyl Chloride

1.0 STATISTIK PELAPORAN PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK

1.1 PENGENALAN

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) ataupun pembelajaran sepanjang umur bermaksud aktiviti pelajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat khususnya orang dewasa. PSH dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat membaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pembaikan sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah satu proses pendemokrasian pendidikan, merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal. Secara umumnya, PSH mempunyai konsep untuk memenuhi keperluan individu dan guna tenaga di samping mewujudkan warganegara yang aktif dan kesaksamaan sosial.

Antara kumpulan sasaran utama PSH ialah lepasan sekolah, golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberi sumbangan kepada negara, menambah baik diri dan mempelbagaikan kemahiran. Lantas Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dengan jelas meletakkan lonjakan yang ketiga iaitu Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) antara agenda utama pendidikan tinggi negara.

Berikut merupakan data statistik pelaporan pelaksanaan kursus-kursus pendek mengikut bulan di Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) sepanjang Tahun 2020:-

Jadual 1 : Statistik Kursus Pendek KKPPG Sepanjang Tahun 2020 (sumber daripada laman ePSH, JPPKK)

BIL	BULAN	JUMLAH KURSUS	BILANGAN PESERTA
1.	JANUARI	6	143
2.	FEBRUARI	20	404
3.	MAC	6	104
4.	JULAI	20	192
5.	OGOS	21	255
6.	SEPTEMBER	29	421
JUMLAH KESELURUHAN =		102 kursus	1, 519 peserta

Kursus Pendek tidak dapat dijalankan pada Bulan April, Mei, Jun, Oktober, November dan Disember disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Malaysia kerana penularan wabak Covid-19



**PERLAKSANAAN KURSUS
PENDEK BAGI BULAN
JANUARI**

2.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN JANUARI

2.1 KURSUS PENDEK APLIKASI KOMPUTER (PERISIAN *MICOROSFT WORD*)

Nama Kursus : Aplikasi Komputer (Perisian *Micorosoft Word*)
Tarikh Kursus : 18 Januari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : MK 1, KKPPG



Rajah 1 (a) dan (b) Tenaga pengajar sedang memberikan penerangan kepada peserta



Rajah 1 (c) peserta sedang melakukan tugas tutorial

Di dalam kursus aplikasi computer (perisian *Microsoft word*) peserta akan diterangkan cara membuat dokumen, mengedi dokumen serta memformat dokumen. *Microsoft word* merupakan program aplikasi pengolah kata yang berfungsi untuk mempermudah pekerjaan seseorang dalam menyelesaikan tugas seperti membuat dokumen, surat, laporan dan lain-lain. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 19 orang peserta wanita dan 1 orang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Cik Grisha Henry William.

2.2 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MARUKU KACANG PEAS DAN MARUKU LEMAK MANIS

Nama Kursus : Penghasilan Maruku Kacang Peas dan Maruku Lemak Manis
Tarikh Kursus : 18 Januari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 2 (a) dan (b) Peserta menunjukkan hasil maruku yang dibuat



Rajah 2 (c) Peserta sedang menguli adunan maruku

Maruku merupakan makanan ringan yang berasal dari dari negara India Selatan. Kudapan ini biasanya dicampur menggunakan tepung pulut, rempah serta bahan-bahan yang lain dan diadun dan digoreng sehingga garing. Seramai 33 penyertaan yang terdiri daripada 33 orang peserta wanita. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

2.3 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *RED VELVET BROWNIES*

Nama Kursus : Penghasilan *Red Velvet Brownies*
Tarikh Kursus : 19 Januari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 3 (a) dan (b) Peserta teruja dengan *brownies* yang dihasilkan



Rajah 3 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Peserta diterangkan mengenai jenis-jenis *brownies*, kaedah yang digunakan serta penggunaan bahan yang betul. Kursus penghasilan *red velvet brownies* merupakan *brownies* yang diletakkan *topping cream cheese*. Seramai 36 penyertaan yang terdiri daripada 36 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

2.4 KURSUS PENDEK JAHITAN *BLOUSE PEPLUM*

Nama Kursus : Jahitan *Blouse Peplum*
Tarikh Kursus : 19 Januari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan, KKPPG



Rajah 4 (a) dan (b) Peserta sedang berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 4 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Blouse merupakan pakaian yang amat digemari pada masa sekarang. Ianya mempunyai bentuk yang kemas dan menarik bagi si pemakainya. Pakaian ini mula dipakai pada tahun 1860 dan direka dalam pelbagai style dan boleh dipakai secara kasual atau formal bergantung kepada pilihan fabrik yang sesuai. Seramai 17 penyertaan yang terdiri daripada 17 orang peserta wanita sahaja. Kursus diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Cik Nurhidayu binti Husin.



**PERLAKSANAAN KURSUS
PENDEK BAGI BULAN
FEBRUARI**



3.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN FEBRUARI

3.1 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK PELANGI KARAMEL

Nama Kursus : Penghasilan Kek Pelangi Karamel
Tarikh Kursus : 01 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 5 (a) dan (b) Kek yang dihasilkan oleh peserta



Rajah 5 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Bagi kursus penghasilan kek Pelangi caramel, peserta didedahkan ilmu teori dan kemahiran dalam menghasilkan kek. Peserta diterangkan tentang pastri manis dengan membuat demonstrasi penghasilan kek tersebut. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 20 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid dan dibantu oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan.

3.2 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MINI *CHEESETART* SAIZ 4.5 CM SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan Mini *Cheesetart* Saiz 4.5 cm Siri 1
Tarikh Kursus : 02 Februari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 6 (a) dan (b) Para peserta dengan hasil kursus



Rajah 6 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Peserta mempelajari teknik penghasilan *cheesetart* secara teori dan amali serta diterangkan kaedah penggunaan bahan dan peralatan. Peserta akan diajar cara-cara membuat kulit dan bacuhan *cream cheese* untuk meletakkan inti. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. Mohamed Rafiq bin Ghazali. Seramai 25 orang telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 24 orang peserta wanita dan 1 orang peserta lelaki.

3.3 KURSUS PENDEK JAHITAN KURUNG ASLI

Nama Kursus : Jahitan Kurung Asli
Tarikh Kursus : 02 Februari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 7 (a) dan (b) Peserta bergambar bersama hasil jahitan dan sijil kursus



Rajah 7 (c) Peserta sedang sibuk menyiapkan hasil jahitan masing-masing

Melalui kursus jahitan kurung asli, peserta diberikan pendedahan dalam menghasilkan pola, proses memotong kain serta menjahit. Kurung asli merupakan pakaian wanita yang menjadi permintaan di musim perayaan. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Norszazlina binti Ali Abas. Seramai 19 orang telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 19 orang peserta wanita sahaja.

3.4 KURSUS PENDEK PENGHASILAN PENGHASILAN ANEKA PUTERI SERI AYU (*ORIGINAL* DAN BERASASKAN *CHEESE*)

Nama Kursus : Penghasilan Penghasilan Aneka Puteri Seri Ayu
(*Original* dan berasaskan *cheese*)
Tarikh Kursus : 08 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 8 (a) dan (b) Para peserta dengan hasil kursus



Rajah 8 (c) Peserta sedang memasukkan adunan ke dalam cawan adunan

Kursus pendek penghasilan kuih puteri ayu merupakan kuih melayu yang menggunakan teknik mengukus. Peserta akan diajar cara-cara penyediaan bahan da peralatan. Kuih melayu ini sesuai dijadikan sebagai sarapan pagi dan minum petang. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 20 orang peserta wanita. Kursus ini diajar oleh Pn. Nurul Farhana binti Ramli dan dibantu oleh Pn. Dg. Nurshazanan binti Daud.

3.5 KURSUS PENDEK PENGHASILAN REMPEYEK DAN KUIH GOYANG (KUIH ROSE)

Nama Kursus : Penghasilan Rempeyek dan Kuih Goyang (Kuih Rose)
Tarikh Kursus : 09 Februari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 9 (a) dan (b) Para peserta dengan hasil kursus



Rajah 9 (c) Peserta bergambar bersama hasil masakan dan sijil kursus

Kudapan rempeyek dan kuih goyang atau lebih dikenali sebagai kuih merupakan salah satu kudapan yang digemari oleh semua lapisan masyarakat. Peserta diajar cara-cara penyediaan bahan-bahan yang sesuai untuk menghasilkan kudapan tersebut. Rempeyek dan kuih goyang sangat mendapat permintaan di musim perayaan kerana sering dihidangkan di meja tetamu. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Cik Nurmaryam Aida binti Hashim. Seramai 35 orang telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 33 orang peserta wanita dan 2 orang peserta lelaki.

3.6 KURSUS PENDEK ASAS JAHITAN *SKIRT* KURUNG

Nama Kursus : Asas Jahitan *Skirt* Kurung
Tarikh Kursus : 09 Februari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 10 (a) dan (b) Peserta sedang berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 10 (c) Peserta bergambar bersama hasil jahitan dan sijil kursus

Kursus jahitan *skirt* kurung merupakan kursus yang digemari oleh komuniti setempat. Jika peserta dapat menghasilkan *skirt* kurung, peserta boleh menghasilkan *skirt* untuk kurung asli ataupun kurung moden. Peserta telah diajar cara membuat pola, memotong kain dan menjahit tepi. Seramai 23 penyertaan yang terdiri daripada 23 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh En. Mohd Suhairi bin Hj. Mohd Shariff.

3.7 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MUFFIN SIRI 1 (*TRIPLE COKLAT MUFFIN DAN PANDAN MUFFIN*)

Nama Kursus : Penghasilan Muffin Siri 1 (*Triple Coklat Muffin dan Pandan Muffin*)
Tarikh Kursus : 15 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 11 (a) dan (b) Peserta teruja dengan produk yang dihasilkan



Rajah 11 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Muffin diklasifikasikan sebagai *quick bread-quickly made and quickly eaten*. Ia selalu dihidangkan untuk sarapan pagi atau untuk minum petang. Membuat *muffin* adalah ringkas sekali tanpa memerlukan *mixer*. Ia sesuai dijadikan sebagai hidangan sarapan pagi serta minum petang. Selain itu, menjadi pilihan *doorgift*, majlis harijadi, pertunangan serta majlis perkahwinan. Seramai 20 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Corine binti Ahlai @ Eric.

3.8 KURSUS PENDEK *ADOBE PHOTOSHOP (HOW TO MAKE A SIMPLE POSTER)*

Nama Kursus : *Adobe Photoshop (How to make a simple poster)*
Tarikh Kursus : 15 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : MK 1, KKPPG




Rajah 12 (a), (b) dan (c) Peserta teruja menghasilkan hasil rekacipta melalui aplikasi *Adobe Photoshop*

Adobe photoshop merupakan aplikasi yang popular dikalangan pereka grafik untuk melakukan kerja-kerja pengeditan gambar. Proses pengeditan menggunakan *adobe photoshop* memerlukan kemahiran ini kerana peserta perlu kerap mempraktikkan penggunaan aplikasi ini. Peserta bagi kursus *adobe photoshop* akan diajar cara-cara untuk mengedit gambar-gambar yang sesuai untuk dijadikan poster. Seramai 15 penyertaan yang terdiri daripada 10 orang peserta wanita dan 5 orang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Jawariyah binti Abdul Ja'afar.

3.9 KURSUS PENDEK ASAS SIMPAN KIRA

Nama Kursus : Asas Simpan Kira
Tarikh Kursus : 15 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Makmal Komputer 1, KKPPG



Rajah 13 (a) dan (b) Peserta mengaplikasikan tugas tutorial kursus sambil diselia oleh penceramah



Rajah 13 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Antara perkara yang diajar bagi kursus simpan kira ialah Teknik pengiraan kos bahan, upah dan pelbagai cara untuk menetapkan harga yang bakal di pasaran. Kebanyakan peserta yang menghadiri kursus ini terdiri daripada peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Seramai 22 penyertaan yang terdiri daripada 21 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Feuna Anasius Joitun.

3.10 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MARUKU CHEESE DAN MARUKU MELETUP (PROGRAM KHAS)

Nama Kursus : Penghasilan Maruku Cheese dan Maruku Meletup
Bersama PPKI SMK Taman Tun Fuad, Luyang,
Kota Kinabalu
Tarikh Kursus : 19 Februari 2020 (rabu)
Masa : 7.30 pagi – 6.00 petang
Tempat : PPKI, SMK Taman Tun Fuad, Luyang, Kota Kinabalu



Rajah 14 (a) dan (b) Peserta sedang sibuk menggoreng adunan maruku



Rajah 14 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Maruku merupakan makanan ringan yang berasal dari dari negara India Selatan. Kudapan ini biasanya dicampur menggunakan tepung pulut, rempah serta bahan-bahan yang lain dan diadun dan digoreng sehingga garing. Kursus penghasilan maruku ini disertai oleh 32 orang pelajar yang terdiri daripada 15 orang pelajar wanita dan 17 orang pelajar lelaki. Kumpulan ini merupakan pelajar daripada Program Pendidikan Khas Integrasi, Sekolah Menengah Taman Tun Fuad, Luyang Kota Kinabalu berkeperluan khas Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

3.11 KURSUS PENDEK PENTERNAKAN *BLACK SOLDIER FLY* (BSF)

Nama Kursus : Penternakan *Black Soldier Fly* (BSF)
Tarikh Kursus : 23 Februari 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 15 (a) Penerangan penggunaan bahan kursus



Rajah 15 (b) Bahan utama dalam penternakan *Black Soldier Fly*



Rajah 15 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Semua peserta didedahkan dengan teori dan praktikal yang sangat membantu dalam pemindahan ilmu ini. Melalui black soldier fly (BSF) ini peserta didedahkan pengurusan sisa makanan yang bernilai rendah dari dapur untuk menghasilkan dedak komersial. Peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada pelbagai daerahs eperi Beaufort, Kota Belud, Kudat, Ranau, Tuaran dan sekitar Kota Kinabalu. Seramai 10 penyertaan yang terdiri daripada 3 orang peserta wanita dan 7 orang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh En. Ansaruddin dan dibantu oleh En. Mohd Suhairi bin Hj. Mohd Shariff.

3.12 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK HOKAIDO SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan Kek Hokaido Siri 1
Tarikh Kursus : 29 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 16 (a) dan (b) Kek yang dihasilkan oleh peserta



Rajah 16 (c) Para peserta sedang menghias kek hokaido masing-masing

Kek hokaido adalah sejenis kek yang ringan dan lembut seperti menelan kapas. Peserta diajar Teknik penyediaan bahan, peralatan serta demonstrasi menghasilkan kek hokaido. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 20 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid dan dibantu oleh Pn. Vun Jing Shu.



**PERLAKSANAAN KURSUS
PENDEK BAGI BULAN
MAC**

4.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN MAC

4.1 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MINI DONUT *BROWNIES* SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan Mini Donut *Brownies* Siri 1
Tarikh Kursus : 01 Mac 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 17 (a) dan (b) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus



Rajah 17 (c) Mini *Brownies* yang dihasilkan oleh peserta

Mini donut *brownies* merupakan kek kecil yang diletakkan ke dalam acuan berbentuk donut. Mini donut *brownies* sesuai dihidangkan untuk majlis sambutan harijadi atau minum petang. Bentuknya yang comel serta menarik amat digemari oleh kanak-kanak kerana diletakkan topping coklat serta gula hiasan yang sangat menarik. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 20 orang peserta wanita. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. MohdSuhairi bin Hj. Mohd Shariff.

1.2 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MINI DONUT *BROWNIES* SIRI 2

Nama Kursus : Penghasilan Mini Donut *Brownies* Siri 2
Tarikh Kursus : 01 Mac 2020 (Sabtu)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 18 (c) Para peserta sedang menghias mini donut *brownies* masing-masing



Rajah 18 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama sijil kursus

Mini donut *brownies* merupakan kek kecil yang diletakkan ke dalam acuan berbentuk donut. Mini donut *brownies* sesuai dihidangkan untuk majlis sambutan harijadi atau minum petang. Bentuknya yang comel serta menarik amat digemari oleh kanak-kanak diletakkan topping coklat serta gula hiasan yang sangat menarik. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 19 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. Mohd Suhairi bin Hj. Mohd Shariff.

4.3 KURSUS PENDEK PENGHASILAN SPICY KUDAPAN CORNFLAKES

Nama Kursus : Penghasilan Spicy Kudapan Cornflakes
Tarikh Kursus : 07 Mac 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 19 (a) Peserta memasukkan adunan ke dalam oven



Rajah 19 (b) Hasil peserta kursus



Rajah 19 (c) Peserta bergambar dengan hasil kursus masing-masing

Kursus penghasilan kudapan cornflakes merupakan kursus yang sangat mudah dikendalikan dan boleh dijadikan sebagai salah satu pendapatan sampingan. Ini kerana, masakan yang berbentuk kudapan mudah dihasilkan. Kudapan cornflakes ini sesuai untuk semua golongan tidak kira muda atau belia. Seramai 15 penyertaan yang terdiri daripada 14 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Cik Grisha Henry William.

4.4 KURSUS PENDEK JAHITAN KURUNG MODEN

Nama Kursus : Jahitan Kurung Moden
Tarikh Kursus : 07 Mac 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tmpat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 20 (a) dan (b) Peserta sedang berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 20 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama hasil mereka

Baju kurung moden merupakan pakaian yang menjadi popular dikalangan semua golongan samada kanak-kanak mahupun orang dewasa. Peserta kursus telah diajar melakarkan pola, memotong kain serta menjahit. Seramai 15 penyertaan yang terdiri daripada 14 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Mimi Tumbalon.

4.5 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *CREAM PUFF* GEBU

Nama Kursus : Penghasilan *Cream Puff* Gebu
Tarikh Kursus : 08 Mac 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 21 (a) Tenaga pengajar sedang menunjukkan cara membuat adunan *cream puff*



Rajah 21 (b) Hasil peserta kursus



Rajah 21 (c) Peserta kursus bergambar bersama tenaga pengajar dengan hasil mereka

Cream puff merupakan makanan ini berasal dari Perancis oleh sebab itu sebutannya beranekaragam. Dari negara aslinya makanan ini disebut *choux à la crème*, di Amerika makanan ini popular dengan nama *Profiterole* atau *Cream Puff*, di negara lain ada yang menyebut *Choux Creme*. Peserta akan mempelajari teknik pembuatan *cream puff* dan *pastry cream* secara teori dan amali. Kursus ini diajar oleh Pn. Noor Intan binti Tahir dan dibantu oleh Cik Nurhidayu binti Husin. Sramai 20 orang peserta yang mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 19 orang peserta wanita dan 1 orang peserta lelaki.



**PERLAKSANAAN KURSUS
PENDEK BAGI BULAN
JULAI**

5.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN JULAI

5.1 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MINI DONUT *BROWNIES* SIRI 3

Nama Kursus : Penghasilan Mini Donut *Brownies* Siri 3
Tarikh Kursus : 11 Julai 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 22 (a) Peserta sedang mengadun bahan acuan



Rajah 22 (b) Hasil Donut *Brownies* peserta kursus



22 (c) Peserta bergambar dengan sijil kursus

Mini donut *brownies* merupakan kek kecil yang diletakkan ke dalam acuan berbentuk donut. Mini donut *brownies* sesuai dihidangkan untuk majlis sambutan harijadi atau minum petang. Bentuknya yang comel serta menarik amat digemari oleh kanak-kanak kerana diletakkan topping coklat serta gula hiasan yang sangat menarik. Seramai 20 penyertaan yang terdiri daripada 20 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

5.2 KURSUS PENDEK JAHITAN BAJU CEKAK MUSANG DAN SELUAR SLACK BERMODUL

Nama Kursus : Jahitan Baju Cekak Musang dan Seluar Slack Bermodul
Tarikh Kursus : 11 & 12 Julai 2020 (Sabtu & Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 23 (a) dan (b) Hasil jahitan pola pakaian yang dihasilkan oleh peserta



Rajah 23 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama hasil mereka

Kursus jahitan baju cekak musang dan seluar slack bermodul merupakan salah satu seni jahitan yang agak rumit dihasilkan. Ianya memerlukan ketelitian sepanjang menjahit. Peserta didedahkan cara-cara membuat pola, memotong kain serta menjahit. Seramai 7 penyertaan yang terdiri daripada 7 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dibantu oleh En. Mohamed Rafiq bin Ghazali.

5.3 KURSUS PENDEK JAHITAN SELUAR SLACK

Nama Kursus : Jahitan Seluar Slack
Tarikh Kursus : 12 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 24 (a) dan (b) Peserta sedang sibuk untuk menyiapkan hasil jahitan masing-masing



Rajah 24 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama hasil mereka

Definisi Seluar *Slack* ialah seluar panjang. *Slack* merupakan pakaian yang sangat popular di pakai oleh golongan lelaki dan perempuan. *Slack* boleh dijadikan pakaian kasual atau formal bergantung pada pilihan jenis fabrik dan corak. Peserta juga akan mempelajari cara membuat pola, memotong kain serta melakukan proses menjahit seluar *slack* tersebut. Seramai 12 penyertaan yang terdiri daripada 12 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dibantu oleh En. Mohamed Rafiq bin Ghazali.

5.4 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK PISANG UNTUK BISNES SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan Kek Pisang Untuk Bisnes Siri 1
Tarikh Kursus : 12 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 25 (a) dan (b) Peserta bergambar dengan hasil kek pisang masing-masing



Rajah 25 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Kek pisang ini, ianya memang sedap, memang lembab dan secukup jer kemanisannya. Saiz kek ini juga sangat bersesuaian untuk hidangan keluarga yang kecil. Tekstur yang lembut dan gebu tidak jemu dimakan dan sesuai dihidangkan untuk sarapan pagi mahupun minum petang. Seramai 12 penyertaan yang terdiri daripada 12 orang peserta wanita. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. Bumyamin bin Md Razi.

5.5 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK PANDAN DAN KEK *STRAWBERRY CHEESE* LELEH

Nama Kursus : Penghasilan Kek Pandan dan Kek *Strawberry Cheese* Leleh
Tarikh Kursus : 12 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 26 (a) Peserta sedang mengadun bahan acuan Rajah 22 (b) Hasil kek peserta kursus



Rajah 26 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan bersama hasil mereka

Kursus penghasilan kek pandan kek *strawberry cheese* leleh merupakan kek yang dimasak menggunakan kaedah kukus. Setelah dikukus kek akan diletakkan topping cheese dan diparut *mozzarella cheese* untuk menyedapkan rasa kek ini. Seramai 10 penyertaan yang terdiri daripada 10 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. Bumyamin bin Md Razi.

5.6 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK COKLAT MOIST TOPPING COKLAT

Nama Kursus : Penghasilan Kek Coklat Moist Topping Coklat
Tarikh Kursus : 18 Julai 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 27 (a) Peserta memasukkan adonan ke dalam acuan



Rajah 27 (b) Hasil peserta kursus



Rajah 27 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Penghasilan kek coklat moist adalah menggunakan kaedah mengukus. Ianya mudah dilaksanakan dan dihiaskan menggunakan coklat ganache dan daitaburkan dengan gula hiasan sebagai daya penarik. Seramai 13 penyertaan yang terdiri daripada 13 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. Bumyamin bin Md Razi.

5.7 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK BUAH KUKUS SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan Kek Buah Kukus Siri 1
Tarikh Kursus : 18 Julai 2020 (Sabtu)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KPPG



Rajah 28 (a) dan (b) Salah seorang peserta kursus dengan hasil kerja kek kukus



Rajah 28 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Kek buah kukus merupakan salah satu jenis kek tradisional yang kekal popular sehingga sekarang. Proses mengukus kek ini mengambil masa selama 4 jam dan ianya ini sangat moist jika dibiarkan semalaman. Seramai 10 penyertaan yang terdiri daripada wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh En. Bumyamin bin Md Razi.

5.8 KURSUS PENDEK JAHITAN KURUNG RIAU

Nama Kursus : Jahitan Kurung Riau
Tarikh Kursus : 18 Julai 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 29 (a) dan (b) Peserta sedang berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 29 (c) Peserta bergambar bersama hasil jahitan dan sijil kursus

Kurung riau adalah kurung biasa tanpa kekek dan mempunyai pesak yang terbahagi kepada dua bahagian atau lebih dikenali sabagai pesak gantung dan mempunyai bentuk di bahagian pinggang. Pesak untuk kurung Riau adalah kembang di bahagian bawah. Sesuai untuk mereka yang bertubuh kurus mahupun gempal. Disamping menampakkan sedikit potongan badan, ia dapat menyembungkan bahagian punggung. Di dalam kursus ini peserta akan mempelajari teknik melukis pola, memotong kain serta proses menjahit kurung riau. Seramai 7 penyertaan yang terdiri daripada wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Cik Nurmaryam Aida binti Hashim.

5.9 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MARUKU *CHEESE* DAN MARUKU MELETUP SIRI 3

Nama Kursus : Penghasilan Maruku *Cheese* dan Maruku Meletup Siri 3
Tarikh Kursus : 19 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 30 (a) dan (b) Peserta sedang sibuk menggoreng adunan maruku



Rajah 30 (c) Hasil peserta kursus

Maruku merupakan makanan ringan yang berasal dari negara India Selatan. Kudapan ini biasanya dicampur menggunakan tepung pulut, rempah serta bahan-bahan yang lain dan diadun dan digoreng sehingga garing. Pada kalini peserta diajar resepi maruku perisa *cheese* yang digemari oleh remaja dan kanak-kanak. Seramai 9 penyertaan yang terdiri daripada 9 orang peserta wanita. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Betsy Vine

5.10 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MARUKU KACANG PEAS DAN MARUKU LEMAK MANIS SIRI 3

Nama Kursus : Penghasilan Maruku Kacang Peas dan Maruku Lemak Manis Siri 3
Tarikh Kursus : 19 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 31 (a) dan (b) Peserta sedang sibuk menggoreng adunan maruku



Rajah 31 (c) Hasil peserta kursus

Maruku merupakan makanan ringan yang berasal dari dari negara India Selatan. Kudapan ini biasanya dicampur menggunakan tepung pulut, rempah serta bahan-bahan yang lain dan diadun dan digoreng sehingga garing. Pada kalini peserta diajar resepi maruku lemak manis dan maruku kacang peas yang sesuai dijadikan sebagai kudapan. Seramai 10 penyertaan yang terdiri daripada 10 orang peserta wanita. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda Binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Betsy Vine.

5.11 KURSUS PENDEK JAHITAN KURUNG MODEN LENGGAN *PUFF*

Nama Kursus : Jahitan Kurung Moden Lengan *Puff*
Tarikh Kursus : 19 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 32 (a), (b) dan (c) Peserta kursus dengan hasil jahitan serta sijil kursus masing-masing

Baju kurung moden mempunyai ciri-ciri yang berlainan dengan baju kurung tradisional. Ianya kelihatan lebih moden dan diberi pelbagai sentuhan bagi menyuntik kelainan namun ia seiring dengan perkembangan zaman. Di dalam kursus ini peserta akan mempelajari teknik melukis pola, memotong kain serta proses menjahit kurung riau. Seramai 9 penyertaan yang terdiri daripada 8 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Norsazlina binti Ali Abas.

5.12 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK *RED VELVET* WITH *CREAM CHEESE* SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan Kek *Red Velvet* with *Cream Cheese* Siri 1
Tarikh Kursus : 25 Julai 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 33 (a), (b) dan (c) Peserta sedang sibuk menghiasi kek masing-masing



Rajah 33 (d) Hasil kek peserta kursus

Kek *Red velvet* merupakan makanan berbentuk *dessert* sesuai dihidangkan untuk minum petang. *Kek red velvet* mempunyai struktur kek yang lembut dan gebu. Untuk mencantikkan kek ini, sesuai diletakkan *topping cream cheese frosting*. Seramai 12 penyertaan yang terdiri daripada 11 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Corine binti Ahlai @ Eric.

5.13 KURSUS PENDEK JAHITAN JUBAH BERFESYEN

Nama Kursus : Jahitan Jubah Berfesyen
Tarikh Kursus : 25 Julai 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 34 (a) dan (b) Peserta sedang fokus untuk menyiapkan hasil jahitan sambal dipimpin dan diselia oleh tenaga pengajar



Rajah 34 (c) Peserta bergambar bersama hasil jahitan dan sijil kursus

BUSANA labuh seperti jubah sering kali dianggap fesyen paling selamat untuk digayakan kerana ia dapat menutup keseluruhan aurat. Bagaimanapun, selari dengan aliran fesyen global yang berkembang pesat, busana Muslimah turut melalui proses perubahan. Di dalam kursus ini peserta mempeajari teknik membuat pola, memotong kain serta melaksanakan proses menjahit jubah. Seramai 4 orang peserta wanita sahaja yang mengikuti kursus ini. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Vun Jing Shu.

5.14 KURSUS PENDEK JAHITAN KEBAYA BERKELEPET

Nama Kursus : Jahitan Kebaya Berkelepet
Tarikh Kursus : 26 Julai 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 35 (a) dan (b) Peserta bergambar bersama hasil jahitan dan sijil kursus



Rajah 35 (c) Peserta sedang memotong kain untuk membentuk pola jahitan

Baju Kebaya ialah pakaian tradisional yang dikenakan oleh wanita Malaysia dan Indonesia. Ia diperbuat daripada kain kasa yang dipasangkan dengan sarung, batik, atau pakaian tradisional yang lain seperti songket dengan motif warna-warni. Pelaksanaan kursus ini, peserta akan diajar teknik membuat pola, memotong kain serta proses menghasilkan sehelai kebaya kelepet. Seramai 9 orang peserta wanita sahaja yang mengikuti kursus ini. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh En. Bumyamin bin Md Razi.



**PERLAKSANAAN KURSUS
PENDEK BAGI BULAN
OGOS**

6.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN OGOS

6.1 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK SPAN DAN DEKORASI KEK BUTTERCREAM TEMA *FLOWER AND BASKET* (BERMODUL)

Nama Kursus : Penghasilan Kek Span dan Dekorasi Kek *Buttercream*
Tema *Flower and Basket* (Berm modul)
Tarikh Kursus : 08 & 09 Ogos 2020 (Sabtu & Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 36 (a) dan (b) Para peserta teruja menunjukkan hasil kerja masing-masing



Rajah 36 (c) Tenaga pengajar sedang menunjukkan demonstrasi menghias dekorasi kek

Dekorasi kek adalah satu proses hasil seni dengan mempunyai kreativiti dan penggunaan peralatan seperti *nozzle* dan peralatan yang lain. Sebiji kek span yang kosong bertukar menjadi sebiji kek yang elegen dan cantik. *Nozzle* merupakan peralatan asas yang penting digunakan dalam kursus dekorasi kek. Di dalam kursus ini, peserta mempelajari teknik mengadun *buttercream*, melepa, membuat bunga serta daun. Seramai 16 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Noor Intan binti Tahir dan dibantu Pn. Nor Haslinda binti Saenan.

6.2 KURSUS PENDEK JAHITAN UNIFORM STAF NURSE (BERMODUL)

Nama Kursus : Jahitan Uniform Staf Nurse (Berm modul)
Tarikh Kursus : 08 & 09 Ogos 2020 (Sabtu & Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 37 (a) dan (b) Peserta sedang sibuk menyiapkan jahitan



Rajah 37 (c) Peserta bergambar menunjukkan hasil kursus

Kursus jahitan Uniform Staf Berm modul peserta mempelajari teknik jahitan baju serta seluar. Mereka diajar teknik-teknik melukis pola, memotong kain serta menjahit untuk menghasilkan 1 set lengkap uniform. Seramai 13 penyertaan yang terdiri daripada 12 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu Pn. Hanafeah binti Ab Rahman.

6.3 KURSUS PENDEK JAHITAN SELUAR STAFF NURSE

Nama Kursus : Jahitan Seluar Staff Nurse
Tarikh Kursus : 09 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 38 (a) dan (b) Para peserta bergambar Bersama hasil jahitan dan sijil kursus



Rajah 38 (c) Peserta sedang sibuk menyiapkan jahitan

Jahitan seluar berzip merupakan pakaian yang popular di kalangan semua golongan samada kanak-kanak dan juga dewasa. Kursus kalini memberi focus kepada menghasilkan jahitan seluar staff nurse yang bekerja di hospital ataupun di klinik. Jahitan seluar berzip ini agak rumit dan memerlukan Teknik-teknik sesuai dalam menghasilkan seluar tersebut. Seramai 12 penyertaan yang terdiri daripada 12 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Hanafeah binti Ab Rahman.

6.4 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *VAMPIRE INDULGENCE CAKE* SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan *Vampire Indulgence Cake* Siri 1
Tarikh Kursus : 09 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 39 (a) dan (b) Peserta menghias dekorasi kek masing-masing



Rajah 39 (c) Peserta mengadun adunan kek

Penghasilan *vampire indulgence cake* adalah sejenis kek yang tidak dibakar dan sangat mudah dilaksanakan. Rasanya yang lembut, sejuk umpama ais krim apabila dimakan. Dekorasi di atas kek memainkan peranan dan menampakkan lagi kemewahan kek tersebut. Seramai 13 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

6.5 KURSUS PENDEK JAHITAN KURUNG ASLI BERMODUL

Nama Kursus : Jahitan Kurung Asli Bermodul
Tarikh Kursus : 15 & 16 Ogos 2020 (Sabtu & Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 40 (a) dan (b) Peserta sedang sibuk menyiapkan jahitan masing-masing



Rajah 40 (c) Para peserta bergambar Bersama hasil jahitan dan sijil kursus

Melalui kursus jahitan kurung asli bermodul peserta diberikan pendedahan dalam menghasilkan pola, proses memotong kain serta menjahit. Di dalam kursus ini, peserta Berjaya menghasilkan 1 set baju kurung asli. Seperti yang sedia maklum kurung asli merupakan pakaian wanita yang menjadi permintaan di musim perayaan. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Cik Nurhidayu binti Husin. Seramai 9 orang telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 9 orang peserta wanita sahaja.

6.6 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *BROWNIES* KEDUT

Nama Kursus : Penghasilan *Brownies* Kedut
Tarikh : 15 Ogos 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 41 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing



Rajah 41 (c) Tenaga pengajar sedang menunjukkan demonstrasi menghasilkan brownies

Tahukah anda, *brownies* sebenarnya merupakan kek bantat. *Brownies* antara kek yang mudah dihasilkan tanpa perlu menggunakan *mixer*. Sekadar gaul menggunakan senduk kayu atau spatula. Di dalam kursus ini peserta diterangkan penggunaan bahan, peralatan dan sesi demonstrasi. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh oleh Pn. Corine binti Ahlai @ Eric dan dibantu oleh Pn. Mimi Tumbalon.

6.7 KURSUS PENDEK JAHITAN SKIRT KURUNG

Nama Kursus : Jahitan Skirt Kurung
Tarikh Kursus : 16 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 42 (a), (b), (c) dan (d) Para peserta bergambar Bersama hasil jahitan dan sijil kursus

Skirt ialah sejenis pakaian yang menutupi badan dari paras pinggang ke bawah. Kelepet ia mempunyai ketinggian berbeza-beza bergantung kepada citarasa si pemakai. Pelaksanaan kursus ini, peserta akan diajar teknik membuat pola, memotong kain serta proses menghasilkan sehelai skirt. Seramai 24 orang peserta terdiri daripada wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Cik Nurhidayu binti Husin.

6.8 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *CREAM PUFF* SIRI 2

Nama Kursus : Penghasilan *Cream Puff* Siri 2
Tarikh Kursus : 16 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 43 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing



Rajah 43 (c) Hasil kerja peserta kursus

Cream puff merupakan makanan ini berasal dari Perancis oleh sebab itu sebutannya beraneka ragam. Dari negara aslinya makanan ini disebut *choux à la crème*, di Amerika makanan ini popular dengan nama *Profiterole* atau *Cream Puff*, di negara lain ada yang menyebut *Choux Creme*. Peserta akan mempelajari teknik pembuatan *cream puff* dan *pastry cream* secara teori dan amali. Kursus ini diajar oleh Pn. Noor Intan binti Tahir dan dibantu oleh Pn. Nurul Farhana binti Ramli. Seramai 14 orang peserta yang mengikuti kursus ini yang terdiri daripada 14 orang peserta wanita sahaja.

6.9 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *MUFFIN ORANGE*, *MUFFIN COKLAT* DAN *MUFFIN RED VELVET*

Nama Kursus : Penghasilan *Muffin Orange*, *Muffin Coklat* dan *Muffin Red Velvet*
Tarikh Kursus : 16 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 44 (a) dan (b) Peserta menunjukkan hasil *muffin* yang dibuat



Rajah 44 (c) Peserta sedang mengadun bahan

Muffin diklasifikasikan sebagai *quick bread-quickly made and quickly eaten*. Ia selalu dihidangkan untuk sarapan pagi atau untuk minum petang. Membuat *muffin* adalah ringkas sekali tanpa memerlukan *mixer*. Ia sesuai dijadikan sebagai hidangan sarapan pagi serta minum petang. Selain itu, menjadi pilihan *doorgift*, majlis harijadi, pertunangan serta majlis perkahwinan. Kursus ini diajar oleh oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Nurul Farhana binti Ramli. Seramai 10 orang peserta terdiri daripada wanita sahaja.

6.10 KURSUS PENDEK JAHITAN KEMEJA

Nama Kursus : Jahitan Kemeja
Tarikh Kursus : 22 Ogos 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 45 (a) dan (b) Para peserta gembira dengan hasil jahitan masing-masing



Rajah 45 (c) Para peserta bergambar Bersama hasil jahitan dan sijil kursus

Kemeja merupakan pakaian yang amat digemari pada masa sekarang. Ia mempunyai bentuk yang kemas dan menarik bagi si pemakai. Setiap rekaannya adalah berbeza dan sentiasa berubah mengikut pereka yang mempunyai idea yang tersendiri. Kemeja merupakan pakaian yang boleh disesuaikan dengan skirt, slek dan kain sarung. Pelaksanaan kursus ini, peserta akan diajar teknik membuat pola, memotong kain serta proses menghasilkan sehelai kemeja. Seramai 12 penyertaan yang terdiri daripada 11 orang peserta wanita seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Betsy Vine.

6.11 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK SARANG SEMUT DULU-DULU

Nama Kursus : Penghasilan Kek Sarang Semut Dulu-dulu
Tarikh Kursus : 22 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 46 (a) dan (b) Hasil kerja peserta kursus



Rajah 46 (c) Peserta sedang mencairkan gula untuk dimasukkan ke dalam adunan

Kek sarang semut atau juga dipanggil kek gula hanggus merupakan kek tradisional dulu-dulu menjadi pilihan masyarakat pada masa kini. Menghasilkan kek amat mudah tanpa memerap selama 4 jam. Seramai 12 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Nurul Farhana binti Ramli.

6.12 KURSUS PENDEK JAHITAN KURUNG RIAU

Nama Kursus : Jahitan Kurung Riau
Tarikh Kursus : 23 Ogos 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 48 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing



Rajah 47 (c) Para peserta bergambar Bersama hasil jahitan dan sijil kursus

Kurung riau adalah kurung biasa tanpa kekek dan mempunyai pesak yang terbahagi kepada dua bahagian atau lebih dikenali sebagai pesak gantung dan mempunyai bentuk di bahagian pinggang. Pesak untuk kurung Riau adalah kembang di bahagian bawah. Sesuai untuk mereka yang bertubuh kurus mahupun gempal. Disamping menampakkan sedikit potongan badan, ia dapat menyembungkan bahagian punggung. Di dalam kursus ini peserta akan mempelajari teknik melukis pola, memotong kain serta proses menjahit kurung riau. Seramai 5 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Cik Nurmariam Aida binti Hashim.



**PERLAKSANAAN KURSUS
PENDEK BAGI BULAN
SEPTEMBER**

7.0 PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK BAGI BULAN SEPTEMBER

7.1 KURSUS PENDEK JAHITAN DRESS KANAK-KANAK

Nama Kursus : Jahitan Dress Kanak-kanak
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 48 (a) dan (b) Para peserta bergambar Bersama hasil jahitan dan sijil kursus



Rajah 48 (c) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing

Kursus jahitan dress kanak-kanak adalah antara kursus yang mendapat sambutan memberangsangkan. Peserta-peserta yang hadir adalah dari kalangan tukang jahit di sekitar penampang dan kota Kinabalu yang ingin menambahkan dan memantapkan skill jahitan mereka. Seramai 11 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh En. Mohd Suhairi bin Hj. Mohd Shariff.

7.2 KURSUS PENDEK PENGHASILAN KEK PELANGI KARAMEL SIRI 2

Nama Kursus : Penghasilan Kek Pelangi Karamel Siri 2
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 49 (a) dan (b) Para peserta gembira dengan hasil kerja masing-masing



Rajah 49 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Kursus Penghasilan Kek Pelangi Karamel Siri 2 adalah atas permintaan peserta kursus pendek yang tidak dapat hadir pada kursus siri 1. Ada di kalangan peserta yang hadir adalah penjual kek, ada juga yang menghadiri kursus ini hanya untuk menambahkan kemahiran mereka. Kursus ini diajar oleh Norfadzilatul Zaleha binti Khalid. Seramai 9 orang peserta yang mengikuti kursus ini.

7.3 KURSUS PENDEK JAHITAN LANGSIR *SCALLOP*

Nama Kursus : Jahitan Langsir *Scallop*
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 50 (a) dan (b) Para peserta gembira dengan hasil jahitan masing-masing



Rajah 47 (c) Para peserta bergambar bersama sijil kursus

Kursus jahitan langsir *Scallop* merupakan kursus yang julung-julung kali diadakan atas permintaan peserta-peserta kursus. Peserta-peserta di ajar teknik-teknik jahitan langsir moden. Seramai 13 orang peserta yang mengikuti kursus ini. Kursus ini diajar oleh En. Hassan bin Hamid dan dibantu oleh En. Mohamed Rafiq bin Ghazali.

7.4 KURSUS PENDEK JAHITAN KRAFTANGAN 3D

Nama Kursus : Jahitan Kraftangan 3D
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Bilik Kuliah 2, KKPPG



Rajah 51 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing



Rajah 51 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Kursus jahitan Kraftangan 3D sangat popular dikalangan belia-belia pada masa ini. Peserta-peserta di ajar teknik-teknik jahitan reben menjadi bunga serta jahitan manik. Seramai 2 orang peserta perempuan sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh En. Mohamed Rafiq bin Ghazali.

7.5 KURSUS PENDEK PENGHASILAN TART BUAH

Nama Kursus : Penghasilan Tart Buah
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 52 (a) dan (b) Hasil kerja peserta kursus



Rajah 52 (c) Peserta sedang menghias tart masing-masing

Kursus Penghasilan Tart Buah adalah kursus viral yang menjadi permintaan hangat peserta kursus pendek. Ada di kalangan peserta yang hadir adalah penjual kek, ada juga yang menghadiri kursus ini hanya untuk menambahkan kemahiran mereka. Seramai 8 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Vun Jing Shu.

7.6 KURSUS PENDEK PENGHASILAN MINI *CHEESETART* SAIZ 4.5CM DAN *CREAM CHEESE*

Nama Kursus : Penghasilan Mini *Cheesetart* Saiz 4.5cm dan *cream cheese*
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG





Rajah 53 (a) (b) dan (c) Hasil kerja peserta kursus

Kursus Penghasilan Mini *Cheesetart* Saiz 4.5cm dan *cream cheese* adalah kursus yang kerap dilaksanakan di kolej komuniti Penampang kerana mendapat permintaan yang tinggi. Dalam kursus ini, peserta akan diajar cara membuat kulit tart, bancuhan cheesanya dan teknik-teknik menghias cheesetart. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Vun Jing Shu. Seramai 9 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta wanita sahaja.

7.7 KURSUS PENDEK PISH – PENGURUSAN JENAZAH LELAKI

Nama Kursus : PISH – Pengurusan Jenazah Lelaki
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : MSM, KKPPG



Rajah 54 (a) dan (b) Tenaga pengajar sedang menunjukkan demonstrasi yang betul



Rajah 54 (c) Hasil kerja peserta kursus

Kursus PISH – Pengurusan Jenazah Lelaki telah diadakan dengan Kerjasama dari unit Pengajian Am Kolej Komuniti Penampang. Kursus ini dihadiri oleh semua pelajar muslim kolej komuniti Penampang. Dalam kursus ini, peserta diajar bagaimana untuk memotong kain kafan, membaca doa Ketika menguruskan jenazah serta peralatan-peralatan yang digunakan untuk menguruskan jenazah. Seramai 23 orang pelajar lelaki telah mengikuti kursus ini. Kursus ini diajar oleh Ustaz dari Kagat iaitu En. Abdul Latif bin Abu Bakar dan dibantu oleh En. Bumyamin bin Md Razi.

7.8 KURSUS PENDEK PISH – PENGURUSAN JENAZAH WANITA

Nama Kursus : PISH – Pengurusan Jenazah Wanita
Tarikh Kursus : 5 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Bilik Kuliah 1, KKPPG



Rajah 55 (a) dan (b) Tenaga pengajar sedang menunjukkan demonstrasi yang betul



Rajah 54 (c) Tenaga pengajar sedang menunjukkan demonstrasi yang betul

Kursus PISH – Pengurusan Jenazah Wanita telah diadakan dengan Kerjasama dari unit Pengajian Am Kolej Komuniti Penampang. Kursus ini dihadiri oleh semua pelajar muslim kolej komuniti Penampang. Dalam kursus ini, peserta diajar bagaimana untuk memotong kain kafan, membaca doa Ketika menguruskan jenazah serta peralatan-peralatan yang digunakan untuk menguruskan jenazah. Seramai 41 orang pelajar wanita telah mengikuti kursus ini. Kursus ini diajar oleh Ustazah dari Kagat iaitu Pn. Hadiyah binti Derim dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

7.9 KURSUS PENDEK PISH – PENGHASILAN ANEKA MUFFIN (MUFFIN ORANGE, MUFFIN RED VELVET, MUFFIN PANDAN DAN MUFFIN COKLAT)

Nama Kursus : PISH – Penghasilan Aneka Muffin (Muffin Orange, Muffin Red Velvet, Muffin Pandan dan Muffin Coklat)
Tarikh Kursus : 6 September 2020 (Ahad)
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 56 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 56 (c) Hasil kerja peserta kursus

Muffin diklasifikasikan sebagai *quick bread-quickly made and quickly eaten*. Ia selalu dihidangkan untuk sarapan pagi atau untuk minum petang. Membuat *muffin* adalah ringkas sekali tanpa memerlukan *mixer*. Ia sesuai dijadikan sebagai hidangan sarapan pagi serta minum petang. Selain itu, menjadi pilihan *doorgift*, majlis harijadi, pertunangan serta majlis perkahwinan. Seramai 24 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

7.10 KURSUS PENDEK JAHITAN DRESS KANAK-KANAK SIRI 2

Nama Kursus : Jahitan Dress Kanak-Kanak Siri 2
Tarikh Kursus : 12 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : MSM, KKPPG



Rajah 57 (a) dan (b) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan hasil jahitan dan sijil kursus



Rajah 57 (c) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing

Kursus jahitan dress kanak-kanak siri 2 adalah antara kursus yang mendapat sambutan memberangsangkan. Peserta-peserta yang hadir adalah dari kalangan tukang jahit di sekitar penampang dan kota Kinabalu yang ingin menambahkan dan memantapkan kemahiran jahitan mereka. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Pn. Dg. Nurshazana binti Daud. Seramai 12 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta wanita sahaja.

7.11 KURSUS PENDEK IR4.0 PERNIAGAAN ONLINE (SHOPEE, LAZADA DAN LELONG)

Nama Kursus : IR4.0 Perniagaan Online (Shopee, Lazada dan Lelong)
Tarikh Kursus : 12 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : MK 1, KKPPG



Rajah 58 (a) dan (b) Peserta sedang menumpukan perhatian kepada ilmu yang disampaikan oleh tenaga pengajar berkenaan kandungan kursus



Rajah 58 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Kursus Perniagaan Online menggunakan aplikasi Shopee, Lazada dan Lelong merupakan platform terkini untuk melaksanakan perniagaan secara atas talian. Di dalam kursus ini, peserta akan diajar untuk mencipta kedai di aplikasi Shopee dengan menggunakan kemudahan komputer atau menggunakan gajet. Seramai 13 penyertaan yang terdiri daripada 10 orang peserta wanita dan 3 orang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh En. Mohamed Rafiq bin Ghazali.

7.12 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *VAMPIRE INDULGENCE CAKE* SIRI 2

Nama Kursus : Penghasilan *Vampire Indulgence Cake* Siri 2
Tarikh Kursus : 12 September 2020 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 59 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 59 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Penghasilan *vampire indulgence cake* adalah sejenis kek yang tidak dibakar dan sangat mudah dilaksanakan. Rasanya yang lembut, sejuk umpama ais krim apabila dimakan. Dekorasi di atas kek memainkan peranan dan menampakkan lagi kemewahan kek tersebut. Seramai 19 penyertaan terdiri daripada 17 orang peserta wanita dan 2 orang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Tn. Rakiza binti Tn. Mahmud.

7.13 KURSUS PENDEK JAHITAN *UNIFORM* JURURAWAT

Nama Kursus : Jahitan *Uniform* Jururawat
Tarikh Kursus : 13 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : MSM, KKPPG



Rajah 60 (a) dan (b) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan hasil jahitan dan sijil kursus



Rajah 60 (c) Peserta berusaha menyiapkan hasil tangan masing-masing

Bagi kursus jahitan uniform jururawat mereka hanya memfokuskan jahitan baju sahaja. Di dalam kursus ini peserta akan diajar teknik melukis pola, memotong kain serta menjahit uniform staff nurse. Seramai 13 orang peserta wanita yang mengikuti kursus ini. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasin dan dibantu oleh Cik Nurhidayu binti Husin.

7.14 KURSUS PENDEK PENGHASILAN BINGKA DODOL DAN BINGKA UBI CHEESE

Nama Kursus : Penghasilan Bingka Dodol dan Bingka Ubi *Cheese*
Tarikh Kursus : 13 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 61 (c) Tenaga pengajar sedang menunjukkan demonstrasi menghasilkan bingka dodol dan ubi cheese

Bingka ubi kayu dan bingka dodol merupakan sejenis kuih tradisional yang popular dikalangan masyarakat melayu di kampung dan disediakan untuk dimakan ahli keluarga atau untuk majlis kenduri. Kuih ini yang enak dihidangkan untuk krluarga bersama dengan kopi panas atau teh tarik mudah disediakan dan sesuai dijadikan hidangan sarapan pagi ataupun minum petang. Seramai 8 orang peserta wanita sahaja meyertai kursus ini. Kursus ini diajar oleh Pn. Noor Intan binti Tahir dan dibantu oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan.

7.15 KURSUS PENDEK PENGHASILAN *MOONCAKE* SIRI 1

Nama Kursus : Penghasilan *Mooncake* Siri 1
Tarikh Kursus : 13 September 2020 (Ahad)
Masa : 1.00 petang – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 62 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 62 (c) Hasil *mooncake* peserta dibakar ke dalam oven

Kuih bulan adalah salah sebuah kuih tradisional cina. Kuih bulan biasanya pastri bulat atau segi empat tepat, berukuran lebih kurang 10 cm dalam diameter dan 4-5 sm tebal. Inti tebal selalunya dibuat daripada isi biji teratai dikelilingi oleh satu kerak agak nipis (2-3 mm) dan boleh mengandungi kuning telur daripada telur itik masin. Seramai 22 orang peserta wanita sahaja meyertai kursus ini. Kursus ini diajar oleh Pn. Noor Intan binti Tahir dan dibantu oleh Pn. Tn. Rakiza binti Tn. Mahmud.

7.16 KURSUS PENDEK SENI ANYAMAN BEG PLASTIK PVC (BERZIP)

Nama Kursus : Seni Anyaman Beg Plastik PVC (Berzip)
Tarikh Kursus : 19 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Bilik Kuliah 1, KKPPG



Rajah 63 (a), (b) dan (c) Peserta bergambar Bersama hasil kerja dan sijil kursus



Rajah 63 (d) Peserta berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing

Bakul anyaman tangan diperbuat dari plastik/PVC yang tebal dan mutunya terjamin. Ianya sesuai untuk dijadikan sebagai beg kegunaan harian. Seramai 10 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Melissa Lapinjang dan dibantu oleh Cik Nurmaryam Aida binti Hashim.

7.17 KURSUS PENDEK PISH – PENGHASILAN ANEKA COOKIES (COKLAT CHIP COOKIES, MILO COOKIES, RED VELVET COOKIES DAN ALMOND COOKIES)

Nama Kursus : PISH – Penghasilan Aneka *Cookies* (Coklat Chip *Cookies*, Milo *Cookies*, Red Velvet *Cookies* dan Almond *Cookies*)
Tarikh Kursus : 20 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dapur PSH 1, KKPPG



Rajah 64 (a) dan (b) Peserta berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing



Rajah 64 (c) Peserta bergambar dengan hasil kerja masing-masing

Penghasilan aneka *cookies* adalah menggunakan teknik *drop cookies*. Kenapa ia dipanggil *drop cookies* adalah tekstur adunannya yang lembut dan tidak perlu diterap. Bagi kursus ini peserta mempelajari 4 jenis cookies yang berbeza. Seramai 28 orang peserta wanita sahaja. Kursus ini diajar oleh Pn. Nor Haslinda binti Saenan dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.

7.18 KURSUS PENDEK JAHITAN SELUAR PALAZO

Nama Kursus : Jahitan Seluar Palazo
Tarikh Kursus : 20 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, KKPPG



Rajah 65 (a) dan (b) Peserta gembira menunjukkan hasil kerja mereka



Rajah 65 (c) Peserta mengabdikan gambar kenangan dengan sijil kursus

Seluar palazzo diperkenalkan pada awal 1960 dan 1970 khas untuk musim panas di luar negara dan menjadi trend sekarang kerana potongan seluar tidak ketat dan lebar di bahagian bawah. Kursus jahitan seluar palazzo, peserta mempelajari membuat pola, memotong kain dan proses melakukan jahitan. Seramai 11 penyertaan terdiri daripada 10 orang peserta wanita dan seorang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Rusinah binti Marasindan dibantu oleh Cik Nurhidayu binti Husin.

7.19 KURSUS PENDEK GUBAHAN COKLAT DAN FLOWER *BOUQUET*

Nama Kursus : Gubahan Coklat dan *Flower Bouquet*
Tarikh Kursus : 20 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : MSM, KKPPG



Rajah 66 (a) dan (b) Peserta bergambar Bersama hasil kerja dan sijil kursus



Rajah 66 (c) Peserta berusaha menyiapkan hasil kerja masing-masing

Kursus gubahan coklat dan *flower bouquet* merupakan kursus menjadi popular dikalangan golongan peringkat umur. Membuat gubahan ini memerlukan kemahiran untuk menghasilkan gubahan yang cantik. Kursus ini diajar oleh Cik Siti Filzatul Ai'na Aqalily binti Hassan dan di bantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid. Seramai 19 orang penyertaan yang terdiri daripada 17 peserta wanita 2 orang peserta lelaki.

7.20 KURSUS PENDEK DEKORASI KEK TEMA *UNICORN* SIRI 1

Nama Kursus : Dekorasi Kek Tema *Unicorn* Siri 1
Tarikh Kursus : 20 September 2020 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Bilik Kuliah 1, KKPPG



Rajah 67 (a), (b) dan (c) Proses pembuatan dekorasi kek bertemakan *Unicorn*

Dekorasi kek tema *unicorn* menggunakan krim putar atau *fresh cream* ini juga kita boleh jadikan sebagai hiasan dalam pelbagai bentuk. Biasanya krim putar akan menjadi cair dalam tempoh 5 atau 6 minit dalam genggaman disebabkan suhu panas dari tangan kita. Digalakkan semasa proses menghias kek hendaklah berada di bilik yang sejuk untuk memastikan krim tidak cair. Di dalam kursus ini peserta mendapat pengalaman baru dalam teknik melepa dan menghasilkan tanduk, telinga dan mata menggunakan *fondant*. Seramai 19 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada peserta 17 orang peserta wanita dan 2 orang peserta lelaki. Kursus ini diajar oleh Pn. Noor Intan binti Tahir dan dibantu oleh Pn. Norfadzilatul Zaleha binti Khalid.



KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Lot 5-8, Blok B, Wisma Malakun,
Jalan Putatan-Ramayah
88200 Penampang, Sabah

Tel: 088-760 951 No.Faks: 088-760954

"Penaraju Institusi Tvet Yang Unggul"